



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SELATAN THAILAND**



05-4506832



**YASMIN ABDULLOH**



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

**STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SELATAN  
THAILAND**

**YASMIN ABDULLOH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(BAHASA MELAYU)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini telah berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangunkan perisian dan dokumentasi, penyelidikan yang dilakukan ini telah mendapat tunjuk ajar serta sokongan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, iaitu Profesor Madya Dr. Dahlia Binti Janan. Beliau merupakan penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat dalam penulisan disertasi saya. Seterusnya, guru-guru serta pelajar Sekolah Agama di wilayah Narathiwat, Yala, dan Pattani yang telah terlibat dalam kajian ini, para pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang telah memberi ilmu dan tunjuk ajar, rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi bantuan dan semangat dan tidak lupa pula kepada ayah dan bonda yang sentiasa memberikan semangat dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selatan Thailand. Strategi dikenal pasti melalui analisis perbezaan min antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu berbanding dengan jantina, lokasi sekolah, bahasa pertuturan, serta pencapaian pelajar. Kajian tinjauan ini dijalankan terhadap 180 orang pelajar dengan persampelan secara bertujuan. Instrumen kajian ini terdiri daripada soal selidik dan penulisan karangan pelajar. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Science (SPSS) versi 23.0* bagi menganalisis statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan analisis ujian-t, dan ANOVA sehala. Dapatkan menunjukkan bahawa strategi pembelajaran bahasa yang kerap digunakan dalam kalangan pelajar Thai ketika mempelajari Bahasa Melayu ialah strategi metakognitif. Diikuti pula strategi gantian dan yang paling sedikit adalah strategi memori. Dapatkan ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan jantina  $t (.5084)= 1.897$ ,  $p>.05$ , dan bahasa pertuturan  $t (.1162)= - .858$ ,  $p>.05$  manakala dapatan ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa, terdapat perbezaan yang signifikan antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan lokasi dengan min nilai  $F(2,177)=9.034$ ,  $p<0.05$ . Selain itu, ujian ANOVA sehala bagi strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian pelajar menunjukkan bahawa, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dengan min nilai  $F (4,175)= 0.384$ ,  $p>.05$ . Kesimpulannya, terdapat pelbagai SPB yang digunakan oleh pelajar Selatan Thailand. Implikasi kajian ini ialah guru di Selatan Thailand perlu menggunakan pelbagai SPB untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thai.





## MALAY LANGUAGE LEARNING STRATEGIES AS A FOREIGN LANGUAGE AMONG STUDENTS IN SECONDARY SCHOOL IN SOUTHERN THAILAND

### ABSTRACT

This study was conducted to identify Malay language learning strategies among secondary school students in Southern Thailand. Strategies were identified through the analysis of mean differences between Malay language learning strategies compared to gender, school location, spoken language, and student achievement. This survey study was conducted on 180 students with purposive sampling. The instruments of this study consisted of questionnaires and student essay writing. Data were analyzed using Statistical Package For Science (SPSS) version 23.0 to analyze descriptive and inferential statistics involving t-test analysis, and one-way ANOVA. The findings show that the language learning strategy that is often used among Thai students when learning Malay is a metacognitive strategy. Followed by the replacement strategy and the least is the memory strategy. The results of t -test showed that there was no significant difference between Malay language learning strategies with gender  $t (.5084) = 1.897$ ,  $p > .05$ , and spoken language  $t (.1162) = -.858$ ,  $p > .05$ . While the findings of one -way ANOVA test showed that there was a significant difference between Malay language learning strategies with location  $F (2,177) = 9.034$ ,  $p < 0.05$ . The results of Tukey HSD test analysts showed that significant differences occurred between students of Yala province and Pattani province  $p < .05$ . In conclusion there are various SPBs used by Southern Thai students. The implication of this study is that teachers in Southern Thailand need to use various SPBs to improve Malay language proficiency among Thai students.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi



<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
----------------------	-----

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
--------------------------	-----

<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Soalan Kajian	11
1.6	Hipotesis Kajian	11
1.7	Kerangka Teoritikal Kajian	12
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	13
1.9	Definisi Operasional	16





1.10 Kepentingan Kajian	22
1.11 Batasan Kajian	21
1.12 Kesimpulan	22

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	23
2.2 Sejarah Pendidikan Bahasa Melayu Di Selatan Thailand	23
2.3 Model Strategi Pembelajaran Bahasa Asing	28
2.4 Teori SPB Yang Digunakan Dalam Kajian	35
2.5 SPB Berdasarkan Jantina	38
2.6 Kajian SPB Dalam Pelbagai Bahasa	40
2.7 Kesimpulan	50



## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	49
3.2 Reka Bentuk Kajian	50
3.3 Sampel Kajian	51
3.4 Lokasi Kajian	53
3.5 Instrumen Kajian	53
3.6 Kesahan Instrumen Kajian	59
3.7 Kajian Rintis	61
3.8 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	62
3.9 Prosedur Pengumpulan Data	65





3.10 Penganalisisan Data	67
--------------------------	----

3.11 Kesimpulan	72
-----------------	----

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pendahuluan	72
-----------------	----

4.2 Profil Demografi Kajian	72
-----------------------------	----

4.3 Kekerapan Penggunaan Strategi Pembelajaran	74
--	----

4.4 Perbezaan Penggunaan Strategi Berdasarkan Jantina	81
---	----

4.5 Perbezaan Penggunaan Strategi Berdasarkan Lokasi	84
--	----

4.6 Perbezaan Penggunaan Strategi Berdasarkan Bahasa Pertuturan	91
---	----

4.7 Perbezaan Penggunaan Strategi Berdasarkan Pencapaian Pelajar	93
--	----

4.8 Kesimpulan	98
----------------	----

**BAB 5 PERBINCANGAN**

5.1 Pengenalan	100
----------------	-----

5.2 Perbincangan	100
------------------	-----

5.3 Implikasi Kajian	105
----------------------	-----

5.4 Cadangan Kajian	105
---------------------	-----

5.5 Kesimpulan	107
----------------	-----

**RUJUKAN****LAMPIRAN**



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Strategi Pembelajaran Bahasa Secara Langsung Oxford (1990)	45
2.2 Strategi pembelajaran bahasa Melayu Secara Tidak Langsung Oxford (1990)	48
3.1 Bahagian II Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu	68
3.2 Skala Likert 5 Mata	72
3.3 Interpretasi Markah Pelajar	73
3.4 Kesahan Instrumen Kajian	73
3.5 Taburan Item Selepas Mendapat Pengesahan Pakar	74
3.6 Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	76
3.7 Analisis Data Kajian	81
4.1 Profil Demografi Kajian	73
4.2 Interpretasi Kekerapan Penggunaan SPBM	74
4.3 Penggunaan SPBM Dalam Kalangan Pelajar Thai	75
4.4 Ujian-t Perbezaan SPBM Berdasarkan Jantina	82
4.5 Ujian ANOVA Sehala SPBM Berdasarkan Lokasi	83
4.6 Post- Hoc Tukey SPBM Berdasarkan Lokasi	84
4.7 Ujian-t SPBM Berdasarkan Bahasa Pertuturan Pelajar	85
4.8 Ujian ANOVA Sehala SPBN Berdasarkan Pencapaian Pelajar	86





## SENARAI RAJAH

**No.Rajah****Muka Surat**

1.1 Kerangka Konseptual Kajian Yang Diadaptasi Daripada Ellis (1994) Dan Oxford (1990)	28
1.2 Peta Selatan Thailand	32
2.1 Model Strategi Pembelajaran Bahasa Kedua Ellis (1994)	43
2.2 Teori SPB Yang diadaptasi Ellis (1994) dan Oxford (1990)	36
3.1 Rajah persampelan Bertujuan	52
3.2 Prosedur Kajian	67





## SENARAI SINGKATAN

BI	Bahasa Inggeris
BM	Bahasa Melayu
BT	Bahasa Thai
L	Lelaki
P	Perempuan
SPB	Strategi Pembelajaran Bahasa
SPBM	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pendahuluan

Strategi pembelajaran merupakan salah satu teknik atau langkah yang dipilih oleh para pelajar bagi memudahkan pembelajaran bahasa mereka. Baik bahasa ibunda, bahasa kedua maupun bahasa asing. Strategi ini dikatakan amat penting kepada pelajar kerana mereka merupakan alat yang memainkan peranan untuk penglibatan aktif, serta berorientasi diri dalam membangunkan kompotensi komunikatif. Oleh hal yang demikian, strategi pembelajaran bahasa yang sesuai akan menghasilkan kecekapan yang lebih baik dalam kalangan pelajar serta meningkatkan keyakinan pelajar lebih tinggi dalam mempelajari bahasa asing (Oxford, 1990).





Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi (2010) menyatakan strategi pembelajaran bahasa perlu difahami dengan baik oleh guru bahasa supaya masyarakat dapat melihat kepentingan strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran bahasa asing. Kajian Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2016) mendapati bahawa pelajar dapat menggunakan strategi pembelajaran bahasa hanya terhad di dalam bilik darjah sahaja. Hal ini demikian kerana guru tidak mempunyai strategi pembelajaran yang sesuai untuk pelajar dalam peningkatan kemahiran berbahasa mereka. Kajian Nur Syafina (2018) mendapati bahawa faktor jantina mempengaruhi dalam penggunaan strategi pembelajaran pelajar. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa dapat membantu pelajar agar lebih mudah dalam mempelajari bahasa asing.



Kajian ini juga penting kerana kajian mengenai strategi pembelajaran Bahasa Melayu di Thailand, kebanyakannya meneliti penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Kajian mengenai strategi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing masih belum dikaji oleh pengkaji tempatan. Oleh itu, kajian penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing merupakan perkara yang baharu di Thailand.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan bahasa Melayu di Selatan Thailand bermula dengan kurikulum yang tidak bersistem kepada kurikulum yang bersistem. Kurikulum pendidikan Bahasa Melayu ini terletak di bawah pendidikan Islam. Bahasa Melayu pernah menjadi bahasa pengantar dalam





semua subjek akademik, namun kini hanya terhad kepada subjek agama Islam sahaja. Oleh itu, pendidikan Bahasa Melayu zaman dahulu selari dengan pendidikan Agama Islam (Nurnee Bukehmatee, 2014).

Oleh itu, wujudlah sekolah pondok sebagai pusat penyebaran agama Islam di Nusantara. Pada abad ke-17, Selatan Thailand (Patani) terkenal sebagai pusat penyebaran dan pendidikan agama Islam yang termasyhur di Asia Tenggara. Kemasyhuran pengajian pondok di Selatan Thailand telah mendorong lebih ramai pelajar dari luar datang ke Selatan Thailand untuk belajar dan menuntut ilmu sehingga Selatan Thailand telah menjadi pusat pengajian Melayu Islam di Nusantara. Kesan kedatangan tokoh-tokoh ulama terkenal seperti Syed Daud Al-Fathoni, Syed Ahmad Al-Fathoni, dan Syed Zainal Abidin Al-Fathoni (Phoasan, 2014). Selatan Thailand telah menjadi pusat perkembangan ilmu Islam dan telah mencapai kemuncak kegemilangan.

Ramai pelajar luar negara datang untuk menuntut ilmu di Selatan Thailand antaranya pelajar yang datang dari kepulauan Melayu dan luar kepulauan Melayu. Bahasa pengantar yang digunakan di pusat pengajaran pondok ini ialah bahasa Melayu. Oleh itu, semua pelajar sama ada Melayu atau bukan Melayu diwajibkan untuk mempelajari bahasa Melayu (Abdul Latif, 1987).

Dari segi sistem tulisan pula, tulisan yang digunakan ialah tulisan Jawi, iaitu tulisan yang diubah suai daripada huruf Arab. Oleh hal yang demikian, pengajaran Bahasa Melayu



diserap secara langsung dengan pengajaran agama Islam dan juga ilmu-ilmu yang lain. Buku-buku agama yang dituliskan dengan tulisan Jawi oleh ulama Selatan Thailand merupakan buku asas bagi pengajaran bahasa, khususnya buku-buku yang dikarang oleh ulama yang terdahulu. Ulama-ulama ini memainkan peranan penting dalam meletakkan asas penggunaan tulisan Jawi dalam mempelajari bahasa Melayu (Thanapas Dejpawuttiphol, 2015).

Walau bagaimanapun, apabila daerah Selatan Thailand jatuh ke tangan Siam. Maka institusi pondok mengalami kemerosotan. Hal ini disebabkan dasar Nasionalisme Siamisasi yang diperkenalkan oleh Jeneral Plaek Phibunsonggram pada tahun 1938. Beliau yang merupakan Perdana Menteri Thailand ketika itu mahukan asimilasi terhadap semua etnik di Thailand untuk menjadi orang Thailand (Thanapas Dejpawuttiphol, 2015).

Akibat dasar asimilasi ini, Bahasa Melayu di Selatan Thailand dilarang untuk diajarkan di sekolah-sekolah. Pada tahun 1941, kerajaan Thailand mengeluarkan perisyntiharhan berkaitan dengan Pendidikan Dasar, iaitu semua etnik yang berada di negara Thailand wajib memasuki sekolah kerajaan yang menggunakan Bahasa Thailand sebagai bahasa pengantar. Di samping itu, orang Melayu juga mesti menggunakan Bahasa Thailand semasa berurusan di pejabat-pejabat kerajaan. Dasar Nasionalisme Siamisasi ini menyebabkan orang Melayu di Selatan Thailand boleh berbahasa Thailand dan mereka diterima untuk bekerja di sektor-sektor kerajaan. Di samping itu, ramai juga orang Melayu



menentang dasar ini dan menyeru kepada kerajaan Thailand supaya menerima perbezaan identiti dan budaya etnik (Thanapas Dejpawuttkul, 2015).

Pada tahun 1950, kerajaan Thailand membenarkan pengajaran Bahasa Melayu diajar di sekolah kerajaan. Menerusi dasar ini, timbul keperluan untuk menjemputkan tenaga pengajar yang mahir dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, ramai guru dari negara kepulauan Melayu yang diminta untuk menjadi tenaga pengajar di sini. Pada tahun 1960, kerajaan Thailand menyediakan bantuan dana kepada setiap pondok di Selatan Thailand bagi membolehkan mereka menerima bantuan kewangan daripada kerajaan. Institusi pondok ini

diwajibkan untuk menerima Bahasa Thailand dalam kurikulum (Phoasan Jehwae, 2014).

Pada 1961 Menteri Pendidikan Thailand telah mengambil alih dalam pengurusan sistem pondok kerana beranggapan bahawa pondok amat berbahaya terhadap kerajaan Thailand khususnya, dari segi kestabilan politik, sosial, dan ekonomi . Sehingga tahun 1966, di bawah sistem pendidikan negara, institusi pondok didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan dan ditukar menjadi Sekolah Agama Islam (Hishamudin Isam dan et al. 2017).

Pada tahun 1968, kerajaan Thailand mengumumkan bahawa setiap institusi pondok yang menerima bantuan dana daripada kerajaan wajib menggunakan Bahasa Thailand dalam semua mata pelajaran (sebelum itu semua subjek menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar). Pada tahun 1971, kerajaan mewajibkan semua institusi pondok didaftarkan sekali lagi di Kementerian Pendidikan Thailand. Kerajaan Thailand turut





mengeluarkan amaran untuk menutup semua institusi pondok secara paksa kepada mana-mana institusi yang tidak didaftarkan. Hal ini menyebabkan pengajaran Bahasa Melayu semakin merosot dan terbatas kepada mata pelajaran agama Islam sahaja (Worawit Baru, 1999).

Pada tahun 1982, institusi pondok sekali lagi didaftarkan dan kesemua institusi pondok ditukar namanya kepada Sekolah Agama Swasta hingga sekarang. Dasar ini dijalankan supaya kerajaan Thailand dapat mengawal institusi pondok dan institusi pondok menerima kurikulum yang dikehendaki oleh kerajaan Thailand (Hishamudin Isam dan et al, 2017).



Aspek kurikulum pula, kurikulum Bahasa Melayu di Selatan Thailand yang digunakan kini telah mengalami sejarah pembinaan yang tersendiri. Mata pelajaran Bahasa Melayu terletak di bawah kurikulum Pendidikan Islam. Menurut, Nurnee Bukehmatee (2014), kurikulum ini telah mengalami pengubahsuaian sebanyak empat kali, iaitu semakan pertama pada tahun (1980), semakan kedua pada tahun (1992), semakan ketiga pada tahun (1997), dan semakan yang terakhir pada tahun (2003).

Situasi Bahasa Melayu di Selatan Thailand bergantung kepada dasar politik semasa kerajaan Thailand. Bermula dengan Perdana Menteri Phibunsongkram yang membawa dasar asimilasi Siamisasi. Dasar ini mewajibkan semua etnik di Thailand menggunakan Bahasa Thai. Bahasa Melayu dilarang untuk digunakan dengan alasan bahawa Bahasa Melayu bukan bahasa rasmi. Bahasa Melayu yang sebelum itu dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam





semua bidang mata pelajaran akademik, telah diganti dengan Bahasa Thai. Bahasa Melayu hanya terhad kepada mata pelajaran agama Islam sahaja (Phaosan Jehwae, 2014).

Kajian mengenai strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thai sebelum ini pernah dikaji oleh penyelidik asing. Kajian yang telah dikaji oleh penyelidik asing ini telah memberi tumpuan kepada pelajar Thailand di peringkat pengajian tinggi, iaitu di wilayah Pattani serta melihat beberapa faktor seperti jantina, pencapaian pelajar, dan tahun pengajian pelajar. Oleh itu, kajian ini lebih berfokus kepada pelajar sekolah menengah di wilayah Narathiwat, Pattani, dan Yala serta melihat beberapa faktor, iaitu faktor Jantina, lokasi, bahasa pertuturan, dan pencapaian pelajar.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Strategi pembelajaran bahasa (SPB) telah menjadi elemen yang utama bagi penyelidikan dalam bidang pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Kebanyakan penyelidik dalam bidang ini, berpendapat bahawa SPB memainkan peranan yang penting terutamanya dalam proses memahami dan juga cara mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing (Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi, 2010). Mohammad Yazid (2017) pula berpendapat bahawa SPB adalah menyeronokkan dan dapat membantu pelajar asing menguasai bahasa Melayu dengan lebih berkesan dan afektif. Pendapat Mohammad Yazid ini disokong melalui Zamri et.al. (2017) yang mendapati bahawa pemilihan SPB yang pelbagai dan sesuai akan





membantu pelajar menguasai bahasa Melayu dengan lebih mudah dan berjaya dalam mempelajari bahasa.

Kajian mengenai SPB sudah banyak dikaji oleh penyelidik bahasa, iaitu terhadap pelajar yang mempelajari bahasa asing. Namun demikian, penggunaannya masih berada pada tahap yang sederhana (Zamri Mahamod et al. 2016). Dari segi aspek jantina pula, ia merupakan aspek utama yang perlu difokuskan dalam kajian SPB. Hal ini terdapat beberapa kajian yang dijalankan mengenai perbezaan jantina antaranya, kajian (Zamri Mahamod, dan Mohamed Amin Embi, 2005) yang menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar perempuan. Hal ini berbeza dengan dapatan kajian (Nadilah Abdul Pisal, dan Kamarul Shukri Mat The, 2018) yang menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lelaki. Selain itu, aspek lokasi sekolah juga dikatakan amat penting dalam kajian SPB.

Kajian mengenai lokasi sekolah masih kurang dibuat kajian oleh pengkaji. Kebanyakan penyelidik lebih tertumpu kepada aspek jantina (Nur Zuhidayah dan Siti Saniah, 2015), aspek motivasi (Siti Hajar Bidin et al. 2019), aspek status ekonomi dan tahap pendidikan orang tua (Mohamad Yazid, 2017), dan aspek tahap pencapaian pelajar dan tahun pengajian akademik (Nur Syafina, 2018). Hal ini dikatakan bahawa aspek lokasi sekolah merupakan hal yang baru dalam kajian SPB.



Di Thailand, Bahasa Thai dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Manakala bahasa yang lain dikategorikan sebagai bahasa asing termasuklah bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih ramai orang Melayu di Selatan Thailand bertutur dalam bahasa Melayu. Namun bahasa ini dikategorikan sebagai bahasa asing (Norizan, 2005). Pembelajaran bahasa asing telah menarik minat pelajar di Selatan Thailand. Kerajaan juga turut memberi sokongan terhadap pembelajaran bahasa asing terutama dengan bahasa Inggeris. Kajian mengenai SPB di Selatan Thailand banyak juga mengkaji bahasa Inggeris sebagai bahasa asing.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas mengenai SPBM yang dipelajari dalam kalangan pelajar asing, ramai penyelidik sebelum ini tidak meneliti dari aspek bahasa pertuturan pelajar. Aspek ini belum dikaji oleh penyelidik yang mengkaji bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Hal ini telah menarik minat oleh pengkaji untuk melakukan kajian dari aspek bahasa pertuturan pelajar dalam kajian SPBM sebagai bahasa asing.

Isu tahap pencapaian pelajar merupakan isu yang penting dalam kajian SPBM sebagai bahasa asing. Kajian (Zamri Mahamod et al. 2014) menunjukkan bahawa pelajar asing yang cemerlang lebih banyak menggunakan SPB dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing berbanding dengan pelajar asing yang lemah. Dapatan ini bertentangan dengan kajian (Nur Syafina, 2018) yang menunjukkan bahawa pelajar asing yang cemerlang



sedikit sahaja yang menggunakan SPB dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing berbanding dengan pelajar asing yang lemah.

Oleh itu, kajian mengenai SPBM sebagai bahasa asing masih belum dikaji oleh penyelidik dari Thailand. Kajian SPBM merupakan hal yang baharu dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu di Thailand khususnya di Selatan Thailand. Sebelum ini kajian SPBM di Thailand pernah dijalankan oleh Nur Syafina (2018) yang mendapati bahawa faktor jantina, tahun pengajian dan pencapaian tidak mempengaruhi pelajar dalam pemilihan SPB ketika belajar bahasa Melayu. Daripada hasil kajian yang dilakukan, maka persoalannya ialah adakah terdapat perbezaan antara SPBM dalam kalangan pelajar Thai berdasarkan jantina, lokasi, bahasa pertuturan serta pencapaian pelajar?

Oleh hal yang demikian, kajian mengenai SPBM sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar Thailand berdasarkan jantina, lokasi, bahasa pertuturan pelajar, serta pencapaian pelajar dikajikan untuk menjawab soalan yang tersebut. Kajian ini juga mengkaji nilai min SPBM dalam kalangan pelajar di Selatan Thailand.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara am, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selatan Thailand. Secara khusus,



kajian strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selatan Thailand adalah untuk;

- i Mengenal pasti nilai min strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Selatan Thailand.
- ii. Membandingkan perbezaan min antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan jantina.
- iii Membandingkan perbezaan min antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan lokasi.
- iv Membandingkan perbezaan min antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan bahasa pertuturan pelajar.
- v Membandingkan perbezaan min antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian pelajar.

### 1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, soalan kajian adalah seperti berikut;

- i. Apakah tahap skor min kekerapan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Selatan Thailand?
- ii. Apakah perbezaan min antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan jantina?



- iii. Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan lokasi?
- vi Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan bahasa pertuturan pelajar?
- v Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian pelajar?

## 1.6 Hipotesis Kajian



05 Hipotesis nul dalam kajian ini adalah seperti berikut;



- Ho1: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan jantina.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan lokasi.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan bahasa pertuturan pelajar.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian pelajar.





## 1.7 Kerangka Teoritikal Kajian

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada Model Strategi Pembelajaran Bahasa Kedua Ellis (1994) dan Model Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford (1990). Berdasarkan kepada model ini Ellis (1994) menyatakan bahawa perbezaan individu dapat dibahagikan kepada dua faktor yang penting, iaitu dalam mempengaruhi seseorang dan juga dalam mempelajari bahasa asing. Faktor yang pertama ialah perbezaan individu termasuk kepercayaan, perasaan, pelajar dan juga pengalaman pembelajaran. Faktor yang kedua ialah faktor situasi dan sosial. Faktor ini termasuk bahasa sasaran yang dipelajari pelajar, latar pembelajaran, jenis tugas dan jantina. Kedua-dua faktor yang tersebut telah mempengaruhi jenis dan kuantiti dan juga memberi kesan terhadap kadar dan tahap pencapaian bagi pelajar untuk mempelajari bahasa asing.

Model yang kedua, iaitu Model Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford (1990). Berdasarkan model ini Oxford telah membahagikan strategi pembelajaran bahasa kepada dua kategori iaitu strategi pembelajaran bahasa secara langsung dan strategi pembelajaran bahasa secara tidak langsung. Lantaran itu, Oxford telah membahagikan pula kedua-dua kategori strategi tersebut kepada enam strategi pembelajaran utama. Tiga strategi pembelajaran bahasa tergolong dalam strategi pembelajaran bahasa secara langsung iaitu strategi memori, kognitif, dan gantian. Manakala tiga lagi tergolong dalam kategori strategi pembelajaran bahasa secara tidak langsung, iaitu strategi metakognitif, afektif, dan sosial.






Model Pembelajaran Bahasa Kedua Ellis (1994) dan Model Strategi Pembelajaran Oxford (1990) adalah sesuai dalam kajian ini dan kedua-dua model ini telah diubah suai mengikut objektif yang dikaji oleh pengkaji. Walaupun model strategi pembelajaran bahasa Oxford dikaji dalam strategi pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing, namun dalam kajian strategi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing juga boleh digunakan.

### 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kepada objektif dalam kajian ini, iaitu mengenal pasti min strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selatan Thailand. Kajian ini juga membanding perbezaan min SPBM yang signifikan antara jantina iaitu pelajar lelaki dan perempuan. Lokasi sekolah ialah sekolah di wilayah Narathiwat, Jala, dan Pattani. Bahasa pertuturan pelajar ialah dialek Melayu Patani, dan bahasa Thailand serta pencapaian pelajar. Dalam kajian ini, terdapat lima pemboleh ubah yang dikaji iaitu strategi pembelajaran bahasa Melayu, jantina, lokasi sekolah, bahasa pertuturan pelajar dan pencapaian pelajar. Berikut adalah seperti rajah di bawah:





Rajah 1.1. Kerangka koseptual kajian yang diadaptasikan daripada Ellis (1994) dan Oxford (1990)

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang digunakan dalam kajian ini iaitu mengkaji strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selatan Thailand. Kajian ini menggunakan kerangka konseptual yang telah diadaptasi daripada model strategi pembelajaran bahasa kedua Ellis (1994) dan model SPBM Oxford (1990).

SPBM dikaji dalam kajian ini berdasarkan strategi pembelajaran bahasa secara langsung dan tidak langsung Oxford (1990). Kedua-dua kategori ini dibahagi kepada enam



strategi pembelajaran utama. Enam strategi pembelajaran ini dapat dikaitkan dengan perbezaan jantina antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan, perbezaan lokasi sekolah, perbezaan bahasa pertuturan dan pencapaian pelajar terhadap SPB yang digunakan oleh pelajar sekolah menengah di Selatan Thailand dengan lebih terperinci.

Penggunaan model ini juga dapat mengenal pasti kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar Thailand berdasarkan kepada enam strategi pembelajaran bahasa iaitu strategi kognitif, memori, gantian, afektif, metakognitif, dan sosial. Walaupun model ini digunakan untuk mengkaji strategi pembelajaran BI sebagai bahasa asing. Namun, model ini dikatakan sesuai juga untuk mengkaji strategi pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

SPBM yang digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di Selatan Thailand dikaitkan dengan empat faktor iaitu faktor jantina, faktor lokasi sekolah, faktor bahasa pertuturan pelajar, dan faktor pencapaian pelajar. Keempat-empat faktor ini memberi kesan terhadap pemilihan jenis strategi pembelajaran bahasa pelajar iaitu strategi memori, kognitif, gantian, metakognitif, afektif, dan sosial. Hasilnya, pengkaji akan mendapat straregi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selatan Thailand.

Penggunaan SPBM yang dikaji dalam kajian ini berdasarkan faktor jantina untuk melihatkan perbezaan atau persamaan penggunaan SPBM antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Di samping itu, kajian ini juga melihat faktor lokasi sekolah yang terletak di





wilayah Narathiwat, Yala, dan Pattani, faktor bahasa pertuturan pelajar, iaitu pelajar yang bertutur dialek Melayu Patani dan bertutur bahasa Thailand, serta pencapaian pelajar. Hal ini kerana faktor jantina, lokasi sekolah, bahasa pertuturan, dan pencapaian pelajar dapat mempengaruhi SPBM yang digunakan oleh pelajar-pelajar Thailand.

## 1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa definisi operasional yang telah didefinisikan iaitu

strategi pembelajaran bahasa, pelajar, Bahasa Melayu sebagai bahasa asing, dan Selatan

Thailand seperti yang berikut di wabah ini.

### 1.9.1 Strategi Pembelajaran Bahasa

Ellis (1994) mendefinisikan strategi pembelajaran bahasa ialah cara pendekatan atau tindakan yang disediakan oleh para pelajar untuk memudah dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing. Manakala, Kamarul Shukri dan Mohammed Embi (2010) mendefinisikan strategi pembelajaran bahasa ialah langkah yang dilakukan oleh pelajar untuk memudahkan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing dan penggunaan bahan maklumat pembelajaran bahasa supaya lebih afektif dan berkesan dalam meningkatkan pencapaian bahasa mereka.





Cohen (2015) mendefinisikan strategi pembelajaran bahasa ialah tindakan secara sengaja yang dipilih dan diguna oleh para pelajar untuk membantu mereka agar lebih berjaya dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing.

Berdasarkan definisi-definisi yang tersebut, strategi pembelajaran bahasa yang dimaksudkan oleh pengkaji di sini ialah teknik atau tindakan yang dipilih oleh pelajar Thailand dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Strategi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing merangkumi strategi memori, kognitif, gantian, metakognitif, afektif dan sosial.



### **1.9.2 Pelajar**

Dalam kajian ini definisi pelajar merujuk kepada pelajar sekolah menengah yang mewakili kelas aliran agama peringkat Thanawi berumur antara 17-18 tahun yang menuntut di sekolah menengah swasta agama Islam di Selatan Thailand.

### **1.9.3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing**

Di Thailand, Bahasa Thai dijadikan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Bahasa selain daripada bahasa Thai, dikategorikan sebagai bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Cina, dan Bahasa Melayu. Walaupun ramai penutur di Selatan Thailand yang menggunakan Bahasa





Melayu, namun bahasa Melayu dikategorikan sebagai bahasa asing setara dengan bahasa Cina (Norizan, 2005).

Berdasarkan definisi-definisi yang tersebut, Bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah Bahasa Melayu baku yang dipelajari oleh pelajar-pelajar Thailand sebagai bahasa asing di sekolah menengah swasta agama Islam yang dikaji.



#### 1.8.4 Selatan Thailand



Rajah 1.2. Peta Selatan Thailand sumber daripada  
[https://ms.wikipedia.org/wiki/Pemberontakan\\_di\\_Thailand\\_Selatan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pemberontakan_di_Thailand_Selatan)

Selatan Thailand terdiri daripada empat belas wilayah, iaitu Chumphon, Surattani, Nakhon Srithammarat, Ranong, Panga, Phuket, Krabi, Patlung, Satun, Songkha, Trang, Pattani, Narathiwat, dan Yalan.

Maksud Selatan Thailand yang dikajikan dalam kajian ini ialah tiga wilayah yang majoritinya pemeluk agama Islam iaitu wilayah Narathiwat, Yala, dan Patani seperti rajah 1.2



## 1.10 Kepentingan Kajian

Strategi pembelajaran bahasa merupakan salah satu teknik bagi pelajar untuk menjayakan penguasaan bahasa sama ada bahasa ibunda atau pun bahasa asing. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang sesuai dengan tahap kemampuan pelajar, dapat membantu pelajar dan memudahkan pelajar untuk mempelajari bahasa kedua. Penggunaan SPB oleh pelajar amat penting kerana penggunaan SPB merupakan salah satu tindakan yang boleh memudahkan dan menyeronokkan pelajar dalam pembelajaran bahasa serta berjaya dalam menguasai sesuatu bahasa Kamarul Shukri Mat Teh dah Mohamed Amin Embi (2010).



Kajian ini adalah satu usaha untuk memudahkan pelajar dalam penguasaan Bahasa Melayu di Thailand agar lebih mudah dan berkesan. Kajian berkaitan dengan strategi pembelajaran bahasa Melayu ini, merupakan suatu perkara yang baharu dan amat kurang dikajikan oleh penyelidik di Selatan Thailand. Kajian ini dapat memberi manfaat kepada ramai pihak antaranya ialah;

### 1.10.1 Kepentingan Kepada Pelajar

Maklumat berkaitan strategi pembelajaran bahasa ini amat penting khususnya pelajar di peringkat sekolah menengah. Strategi pembelajaran bahasa melayu merupakan teknik yang digunakan oleh pelajar untuk menguasai bahasa pertama mahupun bahasa kedua atau bahasa asing dan SPB tidak seharusnya diketepikan. Kajian telah membuktikan bahawa pelajar yang





cemerlang dalam bahasa selalu menggunakan strategi pembelajaran bahasa untuk berjaya dalam bidang pembelajaran bahasa asing. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa dapat membantu pelajar agar lebih mudah dan cepat dalam mengatasi masalah pembelajaran bahasa asing mereka.

Pelajar perlu mengetahui kelemahan diri sendiri tentang pembelajaran bahasa mereka. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang sesuai dengan tahap kemampuan mereka dapat membantu mereka dalam mempelajari bahasa asing dengan mudah dan lebih berkesan.



### **1.10.2 Kepentingan Kepada Penyelidik**

Bagi penyelidik, kajian ini dapat dijadikan rujukan bagi kajian-kajian yang akan datang, khususnya yang berkaitan dengan strategi pembelajaran bahasa yang diguna oleh pelajar dalam menguasai bahasa asing. Tambahan pula, kajian ini dapat mendorong penyelidik lain untuk meneruskan kajian dalam bidang pembelajaran bahasa Melayu di Selatan Thailand.

### **1.10.3 Kepentingan Kepada Guru**

Bagi pihak guru, dapatan kajian ini diyakini mampu memberikan maklumat yang bermanfaat dalam pengajaran bahasa. Maklumat berkaitan dengan strategi pembelajaran bahasa pelajar yang diperoleh oleh guru ini mampu digunakan untuk meramal tahap kemahiran dan





pencapaian pelajar. Dengan maklumat ini juga, guru mampu merancang teknik pengajaran yang betul dan bersesuaian dengan tahap pelajar tersebut dan lebih afektif.

Sehubungan itu, strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh para pelajar untuk menguasai bahasa Melayu yang dikenal pasti oleh guru dapat dimanfaatkan bagi tujuan pengajaran bahasa dalam kelas. Seandainya, pelajar banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa untuk pembelajaran bahasa Melayu, guru dapat menggunakan strategi pembelajaran bahasa untuk pengajaran bahasa dalam bilik darjah sekaligus dapat membantu pelajar untuk berjaya dalam pencapaian bahasa mereka.



#### **1.10.4 Kepentingan Kepada Menteri Pendidikan Thai**

Kajian ini juga penting bagi pihak menteri pendidikan Thai dan individu yang terlibat dengan kurikulum dan buku teks bahasa Melayu di Selatan Thailand. Dengan dapatan kajian ini, ia mampu menjadi panduan dalam menilai keberkesanan kurikulum sedia ada daripada penilaian pelajar sekaligus boleh merengka proses penguasaan dan pencapaian pembelajaran bahasa Melayu yang sesuai dengan keperluan pelajar. Dapatan kajian ini juga, boleh dimanfaatkan bagi tujuan merancang dan mengubal kurikulum pada masa hadapan untuk memudahkan penguasaan bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah.





## 1.11 Batasan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi pembelajaran Bahasa Melayu serta membandingkan perbezaan SPBM yang signifikan antara jantina, lokasi sekolah, bahasa pertuturan pelajar, serta pencapaian pelajar dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selatan Thailand. Kekerapan dan skor min penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu menjadi fokus utama. Kajian seumpama ini jarang dikaji terutamanya dalam bidang pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kajian ini hanya terbatas kepada enam strategi pembelajaran bahasa iaitu strategi memori, kognitif, gantian, netakognitif, afektif, dan sosial. Tiga buah sekolah swasta agama Islam di wilayah Narathiwat, Yala, dan Pattani negara Thailand, yang menjadi lokasi pilihan untuk kajian ini. Hal ini kerana, sekolah agama tersebut adalah satu-satunya sekolah agama yang termasyhur di wilayah Narathiwat Yala dan Pattani. Sekolah ini mempunyai bilangan pelajar yang ramai dan meliputi semua peringkat prestasi sama ada cemerlang, sederhana mahupun lemah. Responden utama dalam kajian ini ialah 180 orang pelajar kelas aliran agama peringkat Thanawi yang terdiri daripada 90 orang pelajar lelaki dan 90 orang pelajar perempuan yang berumur dalam lingkungan antara 17-18 tahun. Kajian yang menguji tahap kekerapan dan skor min penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam mempelajari bahasa Melayu pada peringkat ini sangat sesuai kerana setiap pelajar semuanya telah terdedah dengan pendidikan dan pengetahuan berkenaan Bahasa Melayu semenjak kelas aliran agama peringkat Ibtidai sehingga peringkat Muthawasit.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

25

## 1.12 Kesimpulan

Keseluruhan dalam kajian bab ini, terdiri daripada pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teoritikal kajian, kerangka konseptual kajian, definisi operasional, kepenting kajian dan batasan kajian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi